

**SURAT AKU JANJI**

Saya \_\_\_\_\_ No.  
Kad Pengenalan \_\_\_\_\_ Beralamat di Jabatan Mufti Negeri  
Pahang Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah, Jalan Istana Permai 26600  
Pekan, Pahang Darul Makmur.

Dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Perintah-Perintah Am pekeliling serta peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatan saya dengan Kerajaan. Maka dengan itu saya berjanji sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 baawa saya:

1. Akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan;
2. Akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
3. Tidak membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya;
4. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam saya;
5. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai pegawai awam;
6. Tidak menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai awam bagi faedah diri sendiri;
7. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan dan mencemarkan nama perkhidmatan awam;

8. Tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau pegawai lain berhubung dengan perkhidmatan awam; dan
9. Tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....

(Tandatangan Pegawai)

.....

(Jawatan Pegawai)

.....

(Tandatangan Ketua Jabatan)

(Namadan No. Kad Pengenalan Ketua Jabatan)

.....

(Tarikh)

.....

(Cop Rasmi Jabatan)